

09 JAN 2004

S'pura-Lawatan (Pembuka Tirai)

LAWATAN ABDULLAH BUKA LEMBARAN BARU HUBUNGAN M'SIA, S'PURA

SINGAPURA, 9 Jan (Bernama) -- Beberapa hari selepas melantik timbalannya dan membuat rombakan kecil kabinet, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual melakukan lawatan rasmi sehari ke republik ini yang dilihat oleh banyak pihak akan membuka lembaran baru dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura.

Lawatan berkenaan adalah yang pertama bagi Abdullah sebagai Perdana Menteri Malaysia dalam rangka kunjungannya ke negara-negara Asia Tenggara.

Kunjungan rasmi Abdullah ke negara ini merupakan tradisi yang menjadi amalan setiap pemimpin baru di kalangan negara anggota Asean. Singapura adalah negara anggota Asean kedua yang beliau lawati sejak mengambil alih teraju kepimpinan Malaysia daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt tahun lepas.

Semalam, Abdullah mengadakan rundingan dengan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri sempena lawatan rasmi sulungnya ke negara itu sebagai perdana menteri.

Hubungan antara Singapura dan Malaysia mengalami pelbagai ujian sejak republik ini berpisah daripada Malaysia pada 1965 termasuk beberapa detik tegang akibat isu-isu tertanggung yang ada di antaranya berakar umbi sejak zaman pemerintahan British lagi.

Ini termasuk isu perundangan berkaitan kerja penambakan laut yang dijalankan oleh Singapura di sempadan perairan kedua-dua negara yang masih tertanggung di Tribunal Antarabangsa Mengenai Undang-undang Laut.

Isu lain yang turut menimbulkan ketegangan dalam hubungan dua hala antara kedua-dua negara ialah harga air yang dibekalkan oleh Malaysia ke republik ini, cadangan pembinaan jambatan baru bagi menghubungkan kedua-dua negara, penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat tentera Singapura dan pertelingkahan mengenai hak milik Pulau Batu Putih.

Awal minggu ini, Menteri Luar Singapura S. Jayakumar melahirkan harapan agar pertelingkahan yang wujud sejak sekian lama antara kedua-dua negara akan berakhir.

"Saya rasa cabaran bagi kedua-dua pihak pada era baru ini ialah untuk mencari jalan bagi memulakan lembaran baru dalam hubungan dua hala," katanya.

Tanda-tanda akan terjalannya hubungan yang lebih mesra antara kedua-dua negara jelas kelihatan melalui rancangan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan anggota kabinetnya untuk menghadiri majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina di Johor Baru pada 24 Jan ini.

Para penganalisis berpendapat pertemuan antara pemimpin kedua-dua negara di Johor Baharu mempunyai erti yang cukup besar memandangkan kebanyakan pertikaian antara Singapura dan Malaysia membabitkan Johor yang berhasrat menjadi pusat pengangkutan utama di rantau ini.

Harapan terjalannya hubungan yang lebih akrab antara kedua-dua negara menjadi lebih terserlah selepas pertemuan Abdullah dan Goh di luar agenda satu mesyuarat serantau di Tokyo akhir tahun lepas. Pertemuan itu adalah yang pertama bagi kedua-dua pemimpin itu sejak Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia.

Walaupun tiada agenda khusus ditetapkan dalam pertemuan antara Abdullah dan Goh kelak, namun Singapura bersikap terbuka mengenai sebarang isu dan cadangan yang mungkin ditimbulkan oleh Abdullah sempena lawatan berkenaan, kata Jayakumar.

Ramai meramalkan cadangan pembinaan sebuah jambatan bagi menggantikan

Tambak Johor akan menjadi topik perbincangan pada pertemuan empat mata antara kedua-dua pemimpin itu.

"Saya rasa kita perlu gantikan Tambak Johor kerana kita perlu bolehkan air mengalir tanpa halangan dan ini amat penting serta suatu perkara yang perlu dibincangkan bersama," kata Abdullah menjelang lawatannya ke sini.

Dalam temubual dengan Channel News Asia yang disiarkan malam tadi, Abdullah berkata beliau lebih suka menyelesaikan pertikaian mengenai air antara Malaysia dan Singapura melalui hubungan dua hala daripada melalui timbang tara.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong yang berkemungkinan besar akan menggantikan Goh tahun ini berkata beliau yakin hubungan antara negaranya dan Malaysia akan bertambah baik di bawah pimpinan Abdullah.

Sempena lawatan beliau ke sini, Abdullah dijadualkan turut mengunjungi Presiden S.R.Nathan dan Menteri Kanan Lee Kuan Yew.

-- BERNAMA

SS SP RON